

# PERUBAHAN MORFOLOGI DALAM TIGA EDISI *KAMUS DEWAN*

*Zaharani Ahmad*

## **Abstrak**

Makalah ini memaparkan kajian tentang perubahan morfologi tatabahasa dalam bahasa Melayu dengan menganalisis tiga edisi *Kamus Dewan* (1970, 1984, 1994). Aspek morfologi secara khusus dalam makalah ini melibatkan pengimbuhan *memper-kan* dengan kata akar yang tergolong dalam kelas kata adjektif. Hasil kajian mendapati bahawa perubahan itu bukan didorong oleh perkembangan bahasa, tetapi disebabkan oleh pematuhan kepada tatabahasa preskriptif dalam *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1997) yang menyatakan bahawa ciri kelewahan tidak dibenarkan dalam bahasa Melayu. Namun demikian, berdasarkan data kajian, unsur kelewahan begitu banyak dalam bahasa Melayu. Justeru, kewujudannya merupakan sebahagian daripada tatabahasa bahasa Melayu. Kelewahan mempunyai fungsi tatabahasa, iaitu untuk menegaskan maklumat bahasa yang ingin disampaikan. Sekiranya kelewahan diterima sebagai sebahagian daripada aspek tatabahasa bahasa Melayu, maka perubahan preskriptif yang dilakukan ke atas *Kamus Dewan* perlu diteliti dan difikir semula.

## **Abstract**

*This article attempts to examine morphological changes that occur in Malay grammar by analysing three editions of *Kamus Dewan* (1970, 1984, 1994). For the purpose of this article, the morphological aspect that comes under investigation is the affixation of *memper-kan* with adjectival roots for deriving verbal derived forms. It is apparent that the change is not motivated by natural developments of the language but due to the prescriptive grammar established in the *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1997) which claims that redundancy features are not permitted in Malay. However based on my observation and the available data, redundancy ele-*

*ments actively occur in the language. Thus, it must be treated as part of the Malay grammar. It is apparent that redundancy has a grammatical function in the language that is to reinforce the linguistic information conveyed by the speakers. If redundancy is regarded as the grammatical aspect of Malay, then the prescriptive change that was performed on Kamus Dewan (1994) should be reanalysed and redefined.*

## PENDAHULUAN

Makalah ini cuba memberi satu huraian yang bersifat deskriptif tentang perubahan morfologi dalam bahasa Melayu berdasarkan data korpus dalam *Kamus Dewan*. Perubahan ini boleh dilihat dengan membandingkan *Kamus Dewan* edisi pertama (1970), edisi kedua (1984), dan edisi ketiga (1994). Perubahan morfologi yang akan dibincangkan secara khusus dalam makalah ini menyentuh perubahan dari segi penggunaan imbuhan dalam kata terbitan yang tersenarai dalam kamus tersebut. Selain usaha menyenaraikan perubahan penggunaan imbuhan, makalah ini juga cuba mengenal pasti faktor yang mendorong perubahan itu.

## KAMUS BAHASA

Kamus ialah dokumen yang menyenaraikan keseluruhan perkataan atau leksikal dalam sesuatu bahasa, dan penyenaian kata itu meliputi kata dasar dan juga kata terbitan. Sehubungan itu, kamus dapat dianggap sebagai pangkalan data yang menyimpan segala maklumat tentang kata dan juga pembentukan kata sesuatu bahasa.

Penyusun kamus, khususnya kamus umum, melaksanakan tugasnya dengan berasaskan pendekatan deskriptif, yakni menyenaraikan semua kata yang terdapat dalam sesuatu bahasa berdasarkan data korpus yang kontemporari sifatnya yang digunakan oleh masyarakat bahasa berkenaan dalam kehidupan harian mereka. Seperti yang ditegaskan oleh Hartmann (1993:5), “penyusunan kamus merupakan aktiviti deskriptif, merakamkan penggunaan yang wujud dan bukan memberikan rumus preskriptif atau normatif tentang bagaimana kata-kata harus digunakan dan kata mana yang harus dielakkan”. Biasanya sumber bahan yang menjadi rujukan utama ialah bahan bertulis dan bahan lisan yang merangkumi buku, akhbar, majalah dan terbitan lain.

Bagi pengkaji bahasa atau ahli linguistik pula, mereka lebih berminat untuk meneliti sistem atau peraturan yang mendasari pembinaan kata dalam bahasa berkenaan. Dari sudut ilmu linguistik, peraturan atau sistem ini

dikenal sebagai tatabahasa. Bagi ahli linguistik yang menggunakan pendekatan tatabahasa generatif, tatabahasa terdiri daripada sehimpunan rumus. Tugas utama ahli linguistik adalah mendeskripsikan rumus yang wujud dalam bahasa yang dikaji. Pendeskripsian rumus dibuat berdasarkan analisis ke atas data korpus yang dikumpulkan. Dalam konteks morfologi, proses pembentukan kata dikawal oleh rumus morfologi.

## PERUBAHAN MORFOLOGI

Morfologi mengkaji sistem pembentukan dan pembinaan kata dalam sesuatu bahasa. Antara proses morfologi yang aktif dalam pembinaan kata ialah pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan dan pengakroniman. Dalam makalah ini, yang diteliti hanyalah aspek pengimbuhan. Justeru perubahan morfologi yang dibincangkan merujuk kepada perubahan dalam sistem pengimbuhan.

Perubahan morfologi dalam sistem pengimbuhan dapat dilihat dengan membandingkan tiga edisi *Kamus Dewan* yang berbeza. Berdasarkan maklumat yang terakam dalam ketiga-tiga edisi *Kamus Dewan*, didapati beberapa perubahan telah berlaku, khususnya pada *Kamus Dewan* edisi ketiga. Namun begitu, dalam makalah ini yang dibincangkan hanyalah perubahan yang melibatkan imbuhan *memper-*kan dan *memper-* yang bergabung dengan kata dasar yang tergolong dalam kelas kata adjektif. Antara contoh yang dipetik daripada kamus tersebut adalah seperti yang berikut:

1. <i>Kamus Dewan</i> (1970)	<i>Kamus Dewan</i> (1984)	<i>Kamus Dewan</i> (1994)
memperbesar	memperbesar	memperbesar
memperlemah	memperlemah	memperlemah
mempercantikkan	mempercantikkan	mempercantik
memperdalamkan	memperdalamkan	memperdalam
mempermudahkan	mempermudahkan	mempermudah
mempercepat & mempercepatkan	mempercepat & mempercepatkan	mempercepat
memperteguh & memperteguhkan	memperteguh & memperteguhkan	memperteguh
memperkuat & memperkuatkan	memperkuat &	memperkuat memperkuatkan

Dalam *Kamus Dewan* edisi pertama, bentuk terbitan yang mengandungi imbuhan *memper-* dan *memper-kan* dianggap sebahagian daripada korpus bahasa Melayu. Justeru, bentuk ini disenaraikan dalam kamus tersebut. Yang menarik tentang kata terbitan ini, ada kata dasar yang hanya menerima imbuhan *memper-* sahaja, ada yang menerima *memper-kan* sahaja, dan ada pula yang boleh menerima kedua-duanya sekali.

Dalam *Kamus Dewan* edisi kedua pula, beberapa perubahan telah dibuat sebagai usaha untuk mengemaskinikan dan meningkatkan mutu kamus edisi pertama. Antara perubahan yang paling utama dan menonjol ialah ejaan yang dalam kamus ini digunakan sistem ejaan rumi baru yang sejajar dengan *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia* (1981). Kamus edisi kedua juga telah mengalami penambahan kata masukan yang meliputi kata dasar dan juga bentuk terbitannya yang lain. Pengemaskinian pada edisi kedua tidak menyentuh aspek morfologi, khususnya bentuk kata terbitan yang disenaraikan dalam kamus tersebut. Justeru, kata terbitan yang menerima imbuhan *memper-kan* dan *memper-* tetap kekal seperti bentuk asal dalam edisi pertama.

Pengemaskinian yang lebih besar dan teratur didapati dalam *Kamus Dewan* edisi ketiga. Kamus ini mengalami lima jenis pengemaskinian seperti yang berikut:

2. (a) penambahan kata masukan baru,
- (b) penambahan makna baru bagi kata masukan yang sedia ada,
- (c) pembetulan fakta bagi kata masukan yang sedia ada, terutamanya kata yang berkaitan dengan bidang keagamaan,
- (d) pembetulan aspek tatabahasa supaya sejajar dengan perkembangan terbaru tatabahasa Melayu, terutamanya dalam aspek morfologi,
- (e) penyelarasan serta sedikit pengubahsuaian sistem kamus.

Pada hemat saya, perubahan morfologi pada data (1) di atas ada hubungannya dengan pengemaskinian aspek morfologi yang dinyatakan dalam (2d), iaitu untuk menyejajarkan bentuk terbitan yang ada dengan perkembangan tatabahasa bahasa Melayu. Buku tatabahasa yang menjadi rujukan penyusun kamus pada waktu itu, pada hemat saya ialah buku *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1989). Seperti yang tergambar pada contoh yang diberikan, kata terbitan yang mengandungi imbuhan *memper-kan* sudah tidak lagi disenaraikan sebagai bentuk terbitan bahasa Melayu. Bahasa Melayu kini hanya mempunyai satu bentuk kata terbitan sahaja, iaitu kata adjektif yang menjadi dasar dan kata itu hanya boleh bergabung dengan imbuhan *memper-*

dan tidak boleh dengan *memper-kan*. Persoalan yang timbul ekoran daripada perubahan ini ialah adakah benar sistem morfologi bahasa Melayu telah berubah dalam tempoh 24 tahun perkembangannya?

Dari sudut ilmu linguistik sejarah, perubahan dalam sistem tatabahasa sesuatu bahasa merupakan suatu gejala yang alamiah kerana bahasa itu hidup dan sentiasa berkembang ketika melalui peredaran masa dan ruang. Sekiranya perubahan morfologi yang dicatatkan ini adalah perubahan yang berlaku akibat sejarah perkembangan bahasa Melayu itu sendiri, maka harus diterima kenyataan ini. Sebaliknya, jika data kontemporari tidak memperlihatkan perubahan morfologi seperti yang dideskripsikan, bererti perubahan itu bukan disebabkan oleh faktor sejarah, tetapi didorong oleh faktor lain.

Pada hemat saya, perubahan morfologi dalam *Kamus Dewan* bukan disebabkan oleh faktor perkembangan bahasa, tetapi didorong oleh faktor pematuhan rumus tatabahasa. Andaian ini bertepatan dengan ciri pengemaskinian jenis keempat (lihat 2d), iaitu pembetulan aspek tatabahasa, khususnya aspek morfologi supaya sejajar dengan perkembangan terbaru tatabahasa bahasa Melayu.

## PEMERIAN TATABAHASA

Bahasa merupakan sesuatu yang bersistem dan berperaturan. Dalam kajian linguistik, peraturan yang mengawal penggunaan bahasa dikenal sebagai tatabahasa. Pemerian tatabahasa sesuatu bahasa dilakukan oleh ahli linguistik dan pemerian ini berdasarkan data korpus dalam bahasa berkenaan. Huraian tentang tatabahasa bahasa Melayu telah banyak dibukukan, antaranya termasuklah hasil karya Arbak (1981), Liaw (1985), Asmah (1986), Asraf (1990), dan Nik Safiah (1997).

Berdasarkan buku tatabahasa, semua ahli bahasa didapati bersependapat bahawa kata terbitan yang terhasil melalui proses pengimbuhan *memper-kan* tergolong dalam kelas kata kerja. Kata dasar yang boleh bergabung dengan imbuhan ini terdiri daripada kelas kata nama iaitu *memperisterikan*, *memperhambakan*, kata kerja (iaitu *mempermainkan*, *memperlihatkan*), dan juga kata tugas iaitu *memperuntukkan*, *mempersatukan*. Walau bagaimanapun, dalam kes pengimbuhan yang melibatkan kata dasar yang tergolong dalam kelas kata adjektif, kalangan ahli bahasa tidak bersependapat malah bertentangan antara satu sama lain.

Asmah (1986), Liaw (1985), dan Arbak (1981), bersetuju bahawa imbuhan *memper-kan* boleh bergabung dengan kata adjektif untuk membentuk kata kerja terbitan. Umpamanya *memperbesarkan*, *memperkecilkan*,

*memperhaluskan*, dan *meperdalamkan*.

Bagi Nik Safiah dan rakan-rakan (1997) dan Asraf (1990) pula imbuhan *memper-kan* tidak boleh bergabung dengan kata adjektif. Contoh di atas seharusnya digambarkan sebagai *memperbesar*, *memperkecil*, *memperhalus*, dan *meperdalam*. Bagi ahli tatabahasa ini bentuk kata terbitan seperti, *\*memperbesarkan*, *\*memperkecilkan*, *\*memperhaluskan* dan *\*meperdalamkan*, walaupun lazim digunakan, tidak dapat dianggap sebagai bentuk yang gramatis kerana terdapat unsur kelewahan dalam kata tersebut (Nik Safiah, 1997:200–201). Kehadiran akhiran – *kan* tidak diperlukan kerana maksud menjadikan kata dasar bertambah atau lebih telah didukung oleh imbuhan *memper-*.

Pada hemat saya, perubahan morfologi dalam *Kamus Dewan* edisi ketiga itu disebabkan oleh faktor pematuhan peraturan nahu yang tidak membenarkan unsur lewah dalam bahasa Melayu, seperti yang disarankan oleh Nik Safiah (1997) dan Asraf (1990).

Berhubung dengan isu kelewahan, dua persoalan menarik boleh ditimbulkan dan dibahaskan. Pertama, unsur kelewahan itu adalah aspek yang salah, maka penggunaannya dalam bahasa harus ditegah. Kedua, unsur kelewahan adalah sebahagian daripada aspek tatabahasa bahasa Melayu, dan penggunaannya memperlihatkan kecekapan penutur Melayu mengungkapkannya. Antara dua kemungkinan ini, saya lebih cenderung kepada pernyataan yang kedua itu.

## ISU KELEWAHAN DALAM BAHASA MELAYU<sup>1</sup>

Trask (1996) mendefinisikan kelewahan sebagai “The central property of speech and language by which more information is provided than is strictly necessary for the message to be understood, so that, if some information is lost or misheard, the remaining information will still often be sufficient for the message to be received correctly”. Dalam kata lain, kelewahan bermaksud suatu keadaan yang berlebih-lebihan yang melibatkan pengulangan atau penambahan unsur bahasa yang tidak diperlukan. Penambahan atau pengulangan unsur itu tidak membawa sebarang fungsi kebahasaan.

Sesetengah ahli linguistik Melayu berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang bersifat lewah itu dianggap tidak gramatis dan gejala itu menyalahi peraturan dan sistem tatabahasa bahasa Melayu. Berikut dipaparkan beberapa fenomena kebahasaan yang dianggap lewah dan tidak gramatis, walaupun penggunaannya begitu meluas sama ada dalam penulisan atau pertuturan.

Kelewahan pertama melibatkan penggabungan kata bilangan yang menunjukkan bilangan tak tentu dengan kata nama yang digandakan untuk membawa maksud jamak (Nik Safiah, 1997:273). Contoh penggunaannya dalam ayat adalah seperti yang berikut:

3. a. *Kebanyakan guru-guru* tidak bersetuju dengan cadangan itu.
- b. *Semua peserta-peserta* seminar dibenarkan bercuti esok.
- c. Banjir besar itu telah memusnahkan *segala tanaman-tanaman* di situ.

Ayat di atas dianggap tidak gramatis kerana ada unsur kelewahan dalam usaha menyampaikan maklumat tatabahasa untuk jamak. Kata bilangan tak tentu seperti *kebanyakan*, *semua* dan *segala* tergolong dalam kata leksikal yang bermaksud jamak. Dalam bahasa Melayu, kata nama yang mengalami penggandaan, seperti *guru-guru*, *peserta-peserta*, dan *tanaman-tanaman* juga membawa maksud jamak. Oleh sebab kedua-dua bentuk tersebut membawa maklumat tatabahasa yang sama, iaitu bermaksud jamak, maka binaan yang menggabungkan kedua-duanya menghasilkan fenomena kelewahan.

Fenomena kelewahan yang kedua ialah penggabungan kata penguat yang membawa maksud darjah penghabisan. Kata penguat hadapan seperti *paling*, *teramat* dan *sangat* serta kata penguat belakang *sekali* ialah kata penguat yang berfungsi untuk membawa maksud darjah penghabisan. Penggunaan satu bentuk kata penguat memadai untuk mendukung maksud tersebut. Gabungan dua bentuk kata penguat sekali gus, iaitu penguat hadapan bersama penguat belakang tidak diperlukan kerana akan menyebabkan gejala kelewahan dan tidak ekonomi (Nik Safiah, 1997, Asraf, 1990, Abdullah dan Aion, 1994). Ayat di bawah dianggap tidak gramatis kerana bersifat lewah.

4. a. Batu permata itulah yang *paling mahal sekali*.
- b. Pemandangan di Laut Merah *sangat indah sekali*.
- c. Kemalangan itu merupakan satu tragedi yang *teramat buruk sekali*.

Selain kata penguat, penggabungan kata sendi juga tidak dibenarkan berlandaskan alasan yang sama. Misalnya, kata sendi *demi* yang bermaksud *tujuan* tidak boleh digabungkan bersama kata sendi *untuk* yang juga membawa maksud yang sama (Nik Safiah, 1997:264). Ayat dalam (5) di bawah dianggap tidak gramatis kerana bersifat lewah. Untuk menjadikan ayat dalam (4) dan (5) gramatis, salah satu unsur kata penguat atau kata

sendi tersebut harus digugurkan.

5. a. *Demi untuk negara*, kita mesti berusaha bersungguh-sungguh.
- b. Orang Islam mesti bersatu *demi untuk* agama dan bangsa.
- c. Rakyat Malaysia mesti bersatu padu *demi untuk* kestabilan negara.

Kelewahan tatabahasa bukan hanya terdapat dalam bahasa Melayu, tetapi turut berlaku dalam bahasa lain, seperti bahasa Inggeris dan bahasa Perancis.<sup>2</sup>

Misalnya, dalam bahasa Inggeris, ayat *I scolded him yesterday* “saya memarahinya semalam” dapat dianggap lewah kerana wujud maklumat yang berlebihan tentang pernyataan tatabahasa kala lampau. Maklumat tatabahasa kala lampau didukung oleh dua unsur utama, iaitu kata adverba *yesterday* dan juga penanda morfem kala lampau yang diwakili oleh akhiran *-ed*. Begitu juga halnya dengan frasa *four books* “empat buah buku” dalam bahasa Inggeris, boleh dianggap sebagai mengandungi unsur kelewahan kerana kata bilangan *four* dan akhiran *-s* itu kedua-duanya membawa maksud jamak.

Selain bahasa Inggeris, bahasa Perancis juga memperlihatkan fenomena yang sama dalam sistem tatabahasanya, malah lebih tinggi lagi tahap kelewahannya. Misalnya, dalam ayat *Les nouveaux soldats sont venu aujourd'hui* yang padanannya dalam bahasa Inggeris ‘*The new soldiers came today*’ memperlihatkan pengulangan maklumat jamak pada empat lingkungan morfem, iaitu pada kata artikel *les*, akhiran kata adjektif *-x*, akhiran kata nama *-s* dan kata leksikal *sont*.

Dalam bahasa Inggeris dan bahasa Perancis unsur kelewahan sebahagian daripada aspek tatabahasa yang harus dipatuhi. Ayat yang tidak mematuhi peraturan tersebut dianggap sebagai tidak gramatis. Daripada maklumat kebahasaan dalam kedua-dua bahasa ini, dapat disimpulkan bahawa kelewahan tidak semestinya bersifat negatif dan dilarang penggunaannya sama sekali dalam sesuatu bahasa. Sama ada fenomena kelewahan itu boleh diterima atau tidak, terpulanglah kepada sistem bahasa itu sendiri yang menentukannya. Persoalannya adakah unsur kelewahan itu dibenarkan penggunaannya atau tidak dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu?

Saya mendapati fenomena kelewahan banyak berlaku dalam bahasa Melayu, dan justeru kewujudannya tidak harus diabaikan, sekiranya ingin dihasilkan satu pemerian tatabahasa bahasa Melayu yang baik dan berpeda secara deskriptif. Pada hemat saya, kelewahan ialah sebahagian aspek tatabahasa bahasa Melayu. Berbeza daripada bahasa Inggeris dan bahasa Perancis, kelewahan dalam bahasa Melayu bukan sesuatu yang harus di-

patuhi kerana fenomena ini tidak berperanan dalam penentuan kegramatisan sesuatu ayat. Kelewahan bersifat opsyenal dan berfungsi untuk memberi penegasan kepada maklumat yang ingin disampaikan.<sup>3</sup>

Secara umumnya, kelewahan dalam bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu kelewahan yang melibatkan gabungan kata tunggal, gabungan kata tunggal dan kata terbitan, dan gabungan imbuhan.

## KELEWAHAN GABUNGAN KATA TUNGGAL

Dalam wacana lisan dan tulisan, sering ditemui urutan kata yang terdiri daripada gabungan dua kata tunggal yang membawa maksud yang sama. Penggabungan dua kata tunggal yang sama ini tidak pernah dianggap sebagai fenomena kelewahan. Nik Safiah (1997:353) mengelaskannya sebagai binaan frasa nama inti + inti<sup>4</sup> yang membawa makna sama erti, iaitu merupakan semacam ulangan. Asmah (1986:270–271) pula menggolongkannya sebagai frasa nama setara sinonim yang mempunyai dua unsur yang bukan sahaja memasuki subgolongan yang sama tetapi juga mempunyai makna yang sama. Antara contoh binaan tersebut adalah seperti yang berikut:

6. tubuh badan	tutur kata	kasih sayang
hamba abdi	tokok tambah	susah payah
adat resam	hubung kait	aman damai
khobar berita	sepak terajang	cerdik pandai

Dari segi binaan, gabungan dua kata tunggal di atas tidak ada bezanya daripada gabungan kata sendi *demi* dan *untuk* yang dianggap lewah. Begitu juga halnya dengan gabungan kata penguat *paling* dan *sekali*. Dalam kes gabungan kata penguat ini, kedua-dua kata tunggal tersebut tidak bergabung secara berurutan, tetapi secara terpisah. Sekiranya gabungan kata tunggal dalam (6) di atas boleh diterima sebagai bentuk yang gramatis dalam tata-bahasa bahasa Melayu, maka tidak ada sebarang alasan linguistik yang munasabah untuk ditolak gabungan kata sendi dan juga gabungan kata penguat<sup>5</sup> yang dianggap lewah.

## KELEWAHAN GABUNGAN KATA TUNGGAL DAN KATA TERBITAN

Pengimbuhan dan penggandaan merupakan dua proses morfologi yang penting dalam penghasilan kata terbitan dan kata ganda bahasa Melayu. Kata

yang menerima imbuhan ataupun digandakan itu biasanya mempunyai makna tertentu. Misalnya, kehadiran imbuhan awalan *peN-* dalam kata terbitan seperti *pemadam*, *penyaman*, dan *pembuka* membawa maksud alat untuk melakukan sesuatu (Nik Safiah, 1997:113). Gandangan proses pengimbuhan dan penggandaan dalam kata terbitan berganda seperti *tolong-menolong*, *bantu-membantu*, dan *cinta-mencintai* membawa pengertian perbuatan saling berbalasan atau dilakukan oleh dua pihak terhadap satu sama lain (Nik Safiah, 1997:210).

Walaupun maksud yang membawa pengertian alat dan perbuatan saling telah didukung oleh bentuk imbuhan dan gandaan, namun kata tunggal *alat* dan *saling* masih digandingkan dengan kata terbitan dan ganda tersebut. Misalnya,

7. a. Bangunan itu tidak mempunyai *alat pemadam* api.
- b. *Alat penyaman* udara ada dijual di sini.
- c. Rakyat Malaysia harus *saling tolong-menolong* antara satu sama lain.
- d. Abu dan Aminah *saling cinta-mencintai*.

Selain dua contoh yang diberikan, terdapat beberapa contoh lagi yang memperlihatkan fenomena kelewahan yang sama polanya yang begitu luas penggunaannya dalam bahasa Melayu seperti yang berikut:

8. a. Mak Minah menjual *pelbagai kuih-muih* di warungnya.
- b. Di hutan itu terdapat *berbagai-bagai* jenis *kayu-kayan*.
- c. *Proses pembinaan* bangunan itu terpaksa diberhentikan.
- d. Pihak polis sedang menjalankan *proses penyiasatan*.

Salah satu makna yang didukung oleh kata ganda, khususnya daripada jenis kata ganda berentak ialah makna kepelbagaian jenis (Nik Safiah, 1997:136). Oleh sebab maksud kepelbagaian jenis itu telah tersirat pada bentuk kata ganda, maka kehadiran kata *pelbagai* dan *berbagai-bagai* itu tidak diperlukan kerana gabungan kedua-duanya menghasilkan unsur lewah.

Fenomena yang sama berlaku dalam aspek pengimbuhan yang melibatkan apitan *peN-an*. Makna utama yang dimiliki oleh apitan *peN-an* membawa erti proses mengerjakan maksud yang terkandung dalam kata dasar iaitu *pembinaan* “proses membina”, *penyiasatan* “proses menyasat” (Nik Safiah, 1997). Dalam penggunaan umum, sama ada lisan atau tulisan,

sering ditemui ayat yang mengandungi gabungan kata leksikal *proses* dan kata terbitan yang berimbuhan *peN-an*, seperti dalam (8iii) dan (8iv) di atas.

### KELEWAHAN GABUNGAN IMBUHAN

Seperti yang telah dinyatakan, setiap imbuhan mempunyai fungsi dan membawa makna tertentu. Dalam bahasa Melayu, ada beberapa imbuhan yang mempunyai fungsi dan makna yang sama. Misalnya, awalan *per-*, akhiran *-kan* dan akhiran *-i* berfungsi untuk membentuk kata kerja transitif yang membawa makna kausatif atau menyebabkan jadi (Nik Safiah, 1997, Asmah, 1986). Sekali lagi, oleh sebab imbuhan ini mempunyai fungsi dan makna yang sama, maka tentulah gabungan imbuhan *per-kan* dan *per-i* tidak dibenarkan kerana akan menghasilkan bentuk terbitan yang lewah. Imbuhan ini bergabung dengan awalan *meN-* dan *di-* untuk membentuk kata kerja transitif aktif dan pasif.

- |                                   |                            |
|-----------------------------------|----------------------------|
| 9. memperbesarkan / diperbesarkan | memperbaiki/diperbaiki     |
| memperdalamkan/ diperdalamkan     | memperhalusi/ diperhalusi  |
| memperkecilkan/ diperkecilkan     | memperdalami/ diperdalami  |
| memperluaskan/diperluaskan        | memperbaharui/diperbaharui |

Bagi *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1997), kata terbitan seperti *memperbesarkan*, *memperdalamkan*, dan *memperkecil* dianggap tidak gramatis kerana bersifat lewah, dan bentuk yang baku ialah *membesarkan/dibesarkan* atau *memperbesar/diperbesar*, *mendalamkan/didalamkan* atau *memperdalam/diperdalam*, dan *mengecilkan/dikecilkan* atau *memperkecil/diperkecil*. Seperti yang ditegaskan sebelum ini, peraturan inilah pada hemat saya yang menyebabkan bentuk yang mengandungi imbuhan *memper-kan* itu digugurkan daripada *Kamus Dewan* edisi ketiga dan digantikan dengan imbuhan *memper-* sahaja.

Berhubung gabungan imbuhan *per-i*, seperti dalam kata *memperbaiki/diperbaiki*, *memperdalami/diperdalami*, dan *memperhalusi/diperhalusi*, Nik Safiah (1997:201–206) juga menegaskan bahawa bentuk ini bersifat lewah dan tidak boleh diterima, walaupun lazim digunakan. Bentuk yang tepat dan baku ialah *membaiki/dibaiki*, *mendalami/didalami*, dan *menghalusi/dihalusi*. Walaupun buku *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1997) menegaskan bahawa kata *memperbaiki*, *memperdalami*, dan *memperhalusi* itu tidak tepat, namun bentuk ini tetap tersenarai dalam *Kamus Dewan* edisi pertama,

kedua dan ketiga tanpa sebarang perubahan. Sekiranya kelewahan yang terkandung pada imbuhan *per-i* boleh diterima, tiada sebab harus ditolak kelewahan pada imbuhan *per-kan*.

Satu lagi kes kelewahan yang melibatkan gabungan imbuhan dapat dilihat pada kata terbitan yang terdiri daripada gabungan imbuhan apitan *ber-an* dan kata gandaan. Antara contoh yang lazim ditemui adalah seperti yang berikut:

10. bertembakan	bertembak-tembakan
bersalaman	bersalam-salaman
berlarian	berlarian-larian
berkibaran	berkibar-kibaran
berbalasan	berbalas-balasan

Seperti yang dihuraikan dalam kebanyakan buku tatabahasa, imbuhan *ber-an* membawa makna perbuatan antara dua pihak atau bersalingan, dan perbuatan yang berulang, berterusan atau berpanjangan (Nik Safiah, 1997:192, Asmah, 1986:144–146). Kata ganda yang diterbitkan melalui proses penggandaan juga membawa makna yang sama, iaitu menunjukkan perbuatan yang saling berbalasan, perbuatan yang berulang-ulang, berpanjangan dan bersungguh-sungguh (Nik Safiah, 1997:210, Asmah, 1986:247). Apabila imbuhan *ber-an* dan penggandaan digabungkan dalam satu kata terbitan yang sama, maka tentulah wujud gejala kelewahan. Tetapi dalam buku *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1997) bentuk seperti *bertembak-tembakan* dan *bersalam-salaman*, tidak dianggap sebagai lewah dan diterima sebagai bentuk yang tepat dan gramatis. Justeru bentuk ini ada disenaraikan dalam *Kamus Dewan* edisi ketiga. Hal ini bermakna bentuk lewah masih boleh diterima dan tidak menyalahi tatabahasa bahasa Melayu.

Daripada contoh yang dipaparkan, nyata sekali fenomena kelewahan begitu meluas penggunaan dan penyebarannya dalam bahasa Melayu. Dari sudut linguistik, sesuatu fenomena kebahasaan yang produktif serta memperlihatkan pola yang konsisten dianggap sebagai ciri distingtif yang mendasari peraturan tatabahasa bahasa berkenaan. Dalam kes ini kelewahan itu adalah sebahagian ciri tatabahasa bahasa Melayu. Pada hemat saya, kelewahan itu mempunyai fungsi untuk memberi penegasan terhadap sesuatu maklumat linguistik yang ingin disampaikan. Misalnya, kelewahan dalam gabungan *per-kan* dan *per-i* bertujuan untuk menegaskan ciri

transitif pada kata kerja,<sup>6</sup> gabungan kata penguat seperti *paling + kata adjektif + sekali* bertujuan untuk menegaskan maksud darjah penghabisan, gabungan dua kata penguat seperti *paling + kata adjektif + sekali* bertujuan untuk menegaskan maksud darjah penghabisan, gabungan dua kata tunggal inti + inti bertujuan untuk memberi penegasan terhadap makna yang didukung oleh kata tersebut, dan begitulah halnya dengan unsur kelewahan yang lain.

## KESIMPULAN

Makalah ini membincangkan perubahan morfologi dalam bahasa Melayu, khususnya perubahan pada imbuhan *memper ... kan*, yang diimbuhkan dengan kata dasar yang tergolong dalam kelas kata adjektif seperti yang terdapat pada *Kamus Dewan* edisi ketiga. Perubahan ini bukan disebabkan oleh faktor perkembangan bahasa, tetapi didorong oleh faktor pematuhan tatabahasa menurut pendeskripsian buku *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah, 1997) yang menolak unsur kelewahan bahasa.

## NOTA

- 1 Teoh (1998) telah membicarakan isu kelewahan ini dalam konteks kesalahan bahasa atau pencemaran bahasa dalam kalangan penutur natif bahasa Melayu. Untuk keterangan lanjut, sila lihat tulisan beliau.
- 2 Contoh bahasa yang dikemukakan di sini dipetik dan disesuaikan dari tulisan Teoh (1998).
- 3 Teoh (1998) menyatakan bahawa kelewahan ialah satu alat retorik untuk tujuan penekanan, pernyataan emosi, dan peningkatan jumlah maklumat yang ingin disampaikan.
- 4 Bagi gabungan kata adjektif, Nik Safiah (1997:388) menjeniskannya sebagai binaan kata adjektif + kata adjektif, manakala Asmah (1986:314) pula menggolongkannya sebagai frasa sifat kompleks setara tanpa penghubung.
- 5 Norzila (2001) telah meneliti aspek penggunaan kata penguat darjah penghabisan berdasarkan pangkalan data korpus di Dewan Bahasa dan Pustaka. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa peratusan penggunaan gabungan kata penguat ini begitu tinggi dan ketara.
- 6 Asmah (1986:134) pernah menyatakan "akhiran-kan ditambahkan kepada kerja dengan peruntukan menegaskan ciri transitif kata kerja yang seperti itu, tanpa memberi tambahan makna kepadanya"

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan dan Aionon Mohd., 1994. *Tatabahasa Dinamika*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Arbak Othman, 1981. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Nahu Melayu Mutakhir (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur:

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asraf, 1990. *Petunjuk Bahasa Malaysia Baku KBSM*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.

Hartmann, R.R. K. Pnyt. *Leksikografi: Prinsip dan Amalan*. Terj. Zainab Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*, 1970, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*, 1984, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Dewan*, 1994, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Liaw Yock Fang, 1985. *Nahu Melayu Moden*. Singapura: Pustaka Nasional.

Nik Safiah Karim (*et al.*), 1989. *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Safiah Karim (*et al.*), 1997. *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norzila Ab. Ghani, 2001. "Kata Penguat Darjah Penghabisan Bahasa Melayu", Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Teoh Kok Seong, 1998. "Kelewahan dalam Bahasa Melayu", dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 42(9): 833–846.

Trask. R.L., 1996. *A Dictionary of Phonetics and Phonology*. London: Routledge.